

Noor Mohamad  
Shakil Hameed

# Ke arah mewujudkan negara membaca

Budaya membaca memiliki aura dan peranan tersendiri yang cukup besar dalam mencipta dan merangsang perkembangan ilmu pengetahuan serta membangunkan sebuah bangsa yang berjaya. Hanya bangsa yang terus menyuburkan budaya membaca mampu bangkit membina kecemerlangan dan mencipta kejayaan yang berterusan.

Lazimnya umur mahupun status sosioekonomi tidak pernah membataskan budaya membaca, justeru seluruh warga Malaysia yang mahu majukan diri, keluarga dan negara perlu mencintakan ilmu pengetahuan. Dalam konteks ini, kita harus bangga apabila Kuala Lumpur sudah dinobatkan sebagai Kota Buku Dunia 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Ini perlu dilihat sebagai pengiktirafan dan penghargaan tertinggi masyarakat dunia terhadap kemampuan kita untuk menyuburkan budaya membaca. Selaras dengan ini juga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memasang tekad bagi mewujudkan negara membaca pada 2030.

Bagi merealisasikan hasrat murni ini, KPM mula melaksanakan pelbagai inisiatif melalui kumpen membaca. Antaranya, pelancaran program Read@Uni Peringkat IPT. Program ini dikendalikan perpustakaan di semua IPT awam dan swasta.

Dengan slogan *With Knowledge We Lead* dan bertemakan

#MalaysiaMembaca, kumpen ini bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berbudaya membaca dan dapat menyemarakkan lagi pembacaan dalam kalangan kumpulan sasaran iaitu mahasiswa, pensyarah dan staf pentadbiran. Ia juga dilihat selaras dengan hala tuju kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang kaya maklumat dan suka membaca.

Antara pengisian kumpen ini ialah, program bedah buku, bual bicara tentang karya besar, wacana dan debat mengenai buku yang mengandungi pemikiran yang tinggi. Umumnya Program Read@Uni ini selain menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu, inisiatif seumpama ini dilihat mampu melahirkan masyarakat yang kaya ilmu dan berpengetahuan tinggi dalam pelbagai bidang di samping ke arah pembentukan bangsa yang kuat, tidak jumud dan bermaklumat.

Bagi menyahut seruan pihak KPM serta sebagai mendongk kumpen Dekad Membaca

Kebangsaan (2021-2030), Universiti Putra Malaysia (UPM) turut mengambil inisiatif sama di mana baru-baru ini Program Read@Uni Peringkat UPM dilancarkan Naib Canselor, Prof Datin Paduka Datuk Dr Aini Ideris.

Program peringkat UPM ini dikendalikan Perpustakaan Sultan Abdul Samad. Antara inisiatif UPM bagi menjayakan kumpen ini ialah melalui pelantikan Ikon Read@Uni UPM yang terdiri dari kalangan pelajar prasiswazah dan pasca siswazah, pensyarah, pegawai kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan pelaksana.

Pelantikan ikon yang mewakili semua kelompok warga universiti diakini mampu menyuntik semangat seluruh warga kampus untuk terus menyuburkan budaya membaca. Ironinya amalan membaca tidak pernah merugikan manusia. Dengan membaca kita akan peroleh pelbagai ilmu pengetahuan dan mampu menjadi manusia yang berguna untuk diri, keluarga, masyarakat dan juga negara. Membaca buku misalnya berupaya mencetuskan budaya pemikiran kritis terutama dari segi politik, falsafah serta sosioekonomi dalam kelompok masyarakat.

Buku dilihat sangat berkuasa dan berpengaruh sehingga Napoleon Bonaparte pernah berkata: "Aku lebih takut dengan

empat orang penulis daripada 1,000 senapang". Malah ayat al-Quran yang pertama juga menekankan kepentingan membaca. "Bacalah ( wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia dari sebuah darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya." (Al-Alaq, 1-5).

Harus diingat kemerdekaan boleh dicapai dengan kekuatan senjata dan fizikal, tetapi kemajuan sesebuah bangsa yang merdeka hanya boleh dicapai dengan kekuatan ilmu pengetahuan. Justeru, semua pihak perlu menyokong inisiatif pihak kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai negara membaca. Inisiatif untuk menjayakan hasrat ini perlu dimulakan dari peringkat akar umbi lagi iaitu rumah. Umpama melentur buluh biar dari rebungnya, budaya membaca dan cintakan ilmu perlu mula dari rumah sejak anak-anak masih kecil lagi.

Ibu bapa misalnya perlu menjadi suri teladan kepada anak-anak dengan mengamalkan budaya membaca di rumah. Biar anak-anak mencontohi budaya tersebut dan ibu bapa juga wajar

rajin membawa anak-anak ke perpustakaan di samping membelikan buku secara konsisten mengikut kemampuan supaya aktiviti membaca menyerap dalam sanubari setiap anak kita.

Ingatlah sudah tiba masanya ibu bapa mengalihkan perhatian anak-anak daripada gajet dan permainan yang melalaikan kepada buku yang memberi manfaat. Bertindaklah sebelum nasi menjadi bubur. Dalam pada itu, kita juga berharap budaya membaca ini terus disemarakkan di peringkat sekolah. Kita tidak mahu anak-anak hanya membaca atau menghafal untuk lulus peperiksaan semata-mata. Kita juga tidak mahu melahirkan robot sebaliknya kemandijadian murid itu perlu berpaksikan kepada budaya cintakan ilmu.

Pihak sekolah perlu menyedarkan anak-anak betapa pendidikan dan ilmu pengetahuan adalah prasyarat untuk berjaya dalam segala aspek kehidupan terutamanya untuk meningkatkan status sosio-ekonomi. Kalau IPT sudah ada program Read@Uni, pihak sekolah juga wajar memperkasakan program NILAM yang sedia ada. Sudah tiba masanya program NILAM ini diangkat sebagai agenda utama untuk memastabatkan budaya membaca di sekolah.

Tetapi, harus diingat kita tidak mahu anak-anak berlumba-lumba untuk memenuhi buku NILAM dek kerana mengejar hadiah dan pengiktirafan yang telah disediakan semata-mata. Sebaliknya kita mahu anak-anak memahami falsafah sebenar di sebalik program NILAM ini agar aspek kualiti dalam membaca dan mencari ilmu ini menjadi matlamat utama mereka.

Hakikatnya pada hari ini budaya membaca dan sifat mencintakan ilmu pengetahuan dilihat semakin nipis dalam kalangan anggota masyarakat kita. Ini ditambah pula dengan harga buku terutama yang diimport agak mahal dan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, kos sara hidup melambung tinggi, peruntukan untuk membeli buku dilihat tidak menjadi keutamaan sebahagian besar rakyat kita.

Disarankan bawalah buku ke mana juar supaya dapat menyelitkan sedikit pembacaan di waktu ruang kosong. Ayuh marilah kita menjadi masyarakat yang cintakan ilmu dan terus suburkan budaya membaca seterusnya merealisasikan impian mewujudkan negara membaca.

**Penulis Timbalan Pendafar Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia**

## Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

